

01/11/2003

Landasan Berkembar boleh tampung 250 laluan sehari

KUALA LUMPUR: Landasan Berkembar Elektrifikasi yang dijangka disiap sepenuhnya pada 2012 dapat menampung 250 pergerakan tren Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) sehari berbanding 25 pergerakan pada masa ini.

Pertambahan itu dijangka memberi keuntungan kepada KTMB setelah sekian lama syarikat itu mengalami kerugian.

"Pada masa itu nanti KTMB dijangka dapat mencapai sedikit keuntungan. KTMB mengalami kerugian sebanyak RM183 juta pada 2001 ketika ia masih di bawah pentadbiran lama.

"Apabila ia diambil alih, pentadbiran baru berjaya membawa turun kerugian kepada RM140 juta tahun lalu dan KTMB menjangka akan dapat mengurangkan lagi kerugian pada 2003 sebanyak RM40 juta," kata Pengarah Urusan KTMB, Mohd Salleh Abdullah pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Kain Rentang Gergasi sempena menghargai Jasa 22 tahun Kepemimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad di Ibu Pejabat KTMB di Jalan Sultan Ismail.

Turut hadir pada majlis pelancaran berkenaan ialah Pengerusi KTMB Tan Sri Thong Yaw Hong.

Mohd Salleh berkata, orang ramai tidak seharusnya mengharapkan pentadbiran baru dapat mengaut keuntungan dalam masa yang singkat memandangkan pada masa yang sama KTMB perlu menawarkan perkhidmatan dan infrastruktur yang terbaik kepada pengguna.

"KTMB perlu menaik taraf infrastruktur sedia ada untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik.

"Selain itu, KTMB perlu juga memberi tumpuan kepada projek Landasan Berkembar Elektrifikasi sedang dijalankan di antara Johor Bahru dan Padang Besar," katanya.

Sementara itu, Mohd Salleh berkata, KTM turut dipelawa merancang pelaksanaan integrasi perkhidmatan awam dengan Syarikat Prasarana Negara Bhd (SPNB), syarikat yang bertanggungjawab menguruskan perkhidmatan LRT Putra dan Star.